

GARIS PANDUAN MENGENAI KENAIKAN PANGKAT

A. Kumpulan Pengurusan Dan Profesional

1. Tertakluk kepada kekosongan jawatan kecuali skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik.
2. Telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan :
 - i. disahkan dalam perkhidmatan
 - ii. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
3. Kebolehan pegawai ditentukan mengikut:
 - i. Kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya
 - ii. Sifat peribadi, keutuhan, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang diisi.
4. Bebas daripada tindakan tatatertib dan kes jenayah.
5. Tempoh minima berkhidmat dalam satu-satu gred dan kelayakan akademik yang dimiliki seperti berikut: :

Gred	Bachelor	Master	PhD
41 to 44	5 tahun	3 tahun	1 tahun
44 to 48	3 tahun	3 tahun	1 tahun
48 to 52	3 tahun	3 tahun	1 tahun
52 to 54	3 tahun	3 tahun	1 tahun

6. Khusus untuk jawatan Pegawai Penyelidik, digalakkan mempunyai kelayakan akademik;
 - i. Master untuk kenaikan pangkat ke Gred 48/ Gred 52
 - ii. PhD untuk kenaikan pangkat ke Gred 54

7. Kelayakan Ijazah Sarjana Muda beserta Diploma Lulusan Ijazah atau sijil kelayakan profesional adalah bersamaan kelayakan Sarjana (Master)
8. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada LGM dengan markah Purata Laporan Penilaian Prestasi untuk tiga tahun kebelakang berturut-turut dari tahun penilaian semasa sekurang-kurangnya 80.
9. Menghasilkan penerbitan penyelidikan yang dijalankan sekurang-kurangnya 2 penerbitan setahun (penerbitan hendaklah melalui JK Penilaian Penerbitan):
 - i. 1 Patent = 2 refereed journal
 - ii. Tesis PhD = 3 penerbitan
 - iii. Tesis Master = 2 penerbitan
 - iv. 2 pembentangan yang berlainan penyelidikan = 1 penerbitan
 - v. *Commercialisation* = 4 penerbitan
 - vi. *Adopted Method* = 1 atau 2 penerbitan berdasarkan penilaian Pengarah
 - vii. *Indigenous Method/Standard* = 2 penerbitan
 - viii. *Compilations of scientific/technical subjects* = 1 penerbitan
 - ix. 3 *Consultancies* = 1 penerbitan
10. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambil kira apabila dua atau lebih pegawai yang mempunyai kebolehan yang sama.
11. Mana-mana pegawai yang baru sahaja menamatkan pengajian (cuti belajar sepenuh masa) dan telah kembali bertugas, pertimbangan kenaikan pangkat hanya akan dibuat selepas satu (1) tahun bertugas daripada tarikh lapor diri. Syarat ini dikecualikan bagi mana-mana pegawai yang melanjutkan pengajian secara separuh masa (*part time*).
12. Bagi pegawai yang gagal menamatkan pengajian diperingkat sarjana atau kedoktoran, pertimbangan untuk kenaikan pangkat hanya akan dibuat selepas tiga (3) tahun bertugas daripada tarikh lapor diri. Manakala kriteria tesis dalam garis panduan sedia ada iaitu perkara 9 (iii) Tesis Master = 2 penerbitan adalah dikekalkan.
13. Demi kepentingan LGM, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa keputusan selain daripada yang dinyatakan di atas.

(Pindaan Garis Panduan dipersetujui oleh Jawatankuasa Modal Insan (JKMI) Bil. 4/2018 Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional pada 31 Julai 2018)

B. Kumpulan Pelaksana

1. Tertakluk kepada kekosongan jawatan.
2. Telah memenuhi syarat-syarat seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan :
 - a. disahkan dalam perkhidmatan
 - b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
 - c. lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan.
3. Kebolehan pegawai ditentukan mengikut:
 - a. Kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya
 - b. Sifat peribadi, keutuhan, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang diisi.
4. Bebas daripada tindakan tatatertib dan kes jenayah.
5. Berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam satu-satu gred.
6. Memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada LGM dengan markah purata Laporan Penilaian Prestasi untuk tiga tahun kebelakang berturut-turut dari tahun penilaian semasa sekurang-kurangnya 80.
7. Kekananan dalam perkhidmatan hanya akan diambilkira apabila dua atau lebih kakitangan yang mempunyai kebolehan yang sama.
8. Demi kepentingan LGM, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa keputusan selain daripada yang dinyatakan di atas.